

SURAU MADANI PLUS R&R SEREMBAN (ARAH SELATAN) DIISYTIHAR SEBAGAI SURAU R&R PERTAMA DI LEBUH RAYA MENDAPAT KELULUSAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT

Seremban, 2 Julai 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) hari ini melakar sejarah baharu apabila Surau Madani di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban (Arah Selatan), di KM274.6 Lebuhraya Utara-Selatan, diisytiharkan sebagai surau R&R pertama di lebuhraya negara yang mendapat kelulusan untuk mendirikan solat Jumaat.

Pengisytiharan tersebut telah disempurnakan oleh Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinaim Haji Badaruddin, Mufti Negeri Sembilan, di Surau Madani, R&R Seremban (Arah Selatan), hari ini.

Penyediaan kemudahan untuk mendirikan solat Jumaat ini merupakan usaha dan kolaborasi semua pihak daripada Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta semua pihak berkepentingan yang telah terlibat dalam membantu penyediaan inisiatif ini.

“Projek Surau Madani ini adalah salah satu usaha berterusan PLUS untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan menyediakan kemudahan beribadah yang selesa dan tenang selaras dengan aspirasi PLUS dalam membina ekosistem lebuhraya yang mesra pengguna, lestari serta menyokong kesejahteraan komuniti setempat,” kata Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Pengarah Urusan PLUS.

“Objektif utama inisiatif pelaksanaan solat Jumaat di R&R Seremban ini adalah untuk menyediakan kemudahan beribadah kepada komuniti pemaustatin yang bekerja di R&R serta penduduk sekitar Labu dan Seremban. Ia juga dapat memudahkan pengguna lebuhraya yang singgah untuk menuaikan solat Jumaat di surau R&R ini,” tambah beliau.

Surau Madani di R&R Seremban (Arah Selatan) ini mampu menampung sehingga 150 jemaah lelaki pada satu-satu masa. Ia direka bentuk dengan menitikberatkan suasana yang selesa, nyaman dan mesra pengguna, terutama bagi warga emas dan golongan berkeperluan khas, bagi memastikan semua pengguna lebuhraya mendapat pengalaman beribadah yang lebih baik sepanjang perjalanan mereka.

Sebagai persediaan untuk menuaikan solat Jumaat, surau ini telah menjalani proses naik taraf yang meliputi pemasangan mimbar, mihrab, sistem pembesar suara dan penubuhan Jawatankuasa Kariah Penaja Surau Madani R&R Seremban (Arah Selatan). Jawatankuasa ini dianggotai oleh 93 pemastautin tetap yang terdiri daripada rakan-rakan niaga serta para pekerja di kawasan R&R Seremban.

Turut hadir ke majlis ini adalah Tuan Mohd Asri Abdullah; Pengarah JHEAINS, Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi; Ketua Pegawai Operasi PLUS, Ir. Mohd Shahrir Amin Ahmad; Pengarah Bahagian Pemantauan Operasi Lembaga Lebuhraya Malaysia, Ir. Dr. Mohammed Ridzuan Jahidin; Pengarah Wilayah Tengah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Abang Zainal Abidin Abang Ariffin; Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Che Musa Che Hamat; Pegawai Agama Islam Daerah Seremban, Pengurusan Masjid Kariah Pekan Labu, Negeri Sembilan dan ahli jawatankuasa penaja kariah Surau Madani R&R Seremban (Arah Selatan).



Ahli Kumpulan UEM

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

2 JULAI 2025

Penyediaan kemudahan ini adalah sebahagian komitmen PLUS dalam mempertingkatkan nilai tambah kepada pengguna lebuh raya, bukan sahaja dari aspek perjalanan yang selamat dan lancar malah dari sudut penyediaan fasiliti ibadah yang selesa dan tenang.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--

Page 2 of 2